

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN NIK MUHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL
AZIZ [PASIR MAS]

TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Nik Muhamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah kementerian bersedia memberi dana kepada pusat-pusat perlindungan dan pemulihan milik persendirian dan swasta yang dilihat lebih berkesan memainkan peranan khususnya dalam membantu pemulihan para remaja.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin terhadap aspek perlindungan, pemulihan dan penjagaan kanak-kanak dan remaja.

Pada masa ini, JKM menggunakan pendekatan multisektoral iaitu kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk pertubuhan sukarela kebajikan (PSK), pihak swasta dan individu. Dalam erti kata lain, JKM menjadikan pihak-pihak tersebut sebagai rakan strategik (*strategic partner*) yang saling melengkapi dalam menyampaikan perkhidmatan yang disediakan oleh JKM hingga ke peringkat akar umbi.

Berhubung dana kepada pusat-pusat perlindungan dan pemulihan milik persendirian dan swasta, JKM tidak mempunyai peruntukan khusus kepada pihak terbabit. Walau bagaimanapun, JKM mempunyai dana untuk PSK. Sebagai contoh, hingga Mei 2014, JKM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM7.6 juta kepada 83 PSK yang menyediakan perlindungan dan penjagaan kepada kanak-kanak seramai 4,541 orang

dan RM454,000 kepada 5 PSK yang menyediakan program pemulihan kepada 142 orang remaja.